

Headline	Warga IPT disaran sertai Rakan Alam Sekitar		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Johor)		
Date	30 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Berjimat atasi beban kenaikan harga	Circulation	22,630
Page No	26	Readership	67,890
Language	Malay	ArticleSize	339 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,888
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,663



Warga IPT disaran sertai Rakan Alam Sekitar

JOHOR BAHRU 29 April - Semua pihak termasuk warga institusi pengajian tinggi (IPT) di negeri ini disaran menyertai Rakan Alam Sekitar (RAS) dalam usaha meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, RAS yang ditubuhkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sejak 2006 telah berjaya menarik penyertaan seramai 15,000 ahli di negeri ini.

"Setiap ahli RAS termasuk pe-nuntut IPT berperanan memimpin rakan-rakan mereka untuk melaksana dan melibatkan diri dalam program kesedaran alam sekitar secara lebih aktif.

"Kita jangkakan jumlah ahli RAS akan terus bertambah setiap tahun

bukan sahaja dalam kalangan pe-nuntut IPT, malah sektor dan agensi lain yang terdapat di negeri," katanya pada majlis Sambutan Hari Bumi dan Pelancaran RAS peringkat IPT negeri ini di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai di sini ba-ru-baru ini.

Pada majlis itu, Ayub turut me-nyerahkan pelantikan Kapten RAS peringkat IPT kepada setiap wakil

IPT yang terdapat di negeri ini.

Yang turut hadir, Pengarah Alam Sekitar negeri, Mokhtar Abdul Majid dan Timbalan Naib Canse-lor (Pembangunan) UTM, Prof. Dr. Azlan Abdul Rahman.

Ayub berkata, kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian terhadap sebarang isu alam sekitar dan berharap semua pihak dapat me-mainkan peranan masing-masing

dalam menjaga alam sekitar.

Sementara itu Azlan berkata, UTM turut mengambil inisiatif dalam melestarikan alam sekitar khususnya di dalam kawasan kampus, antaranya dengan mewujudkan sebuah kampus berkonsepkan eko-pelancongan.

"Inisiatif yang dilancarkan be-kas Naib Canselor, Prof. Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang pada 2009 men-jadi titik mula dalam usaha untuk menjadikan UTM sebagai pusat budaya ilmu dan pelestarian alam sekitar.

"Di samping itu, UTM menerusi Projek Strategik Lautan Biru iaitu Tripikana Kampus juga telah meng-gerakkan inisiatif penanaman pokok-pokok hutan sejak 2010 den-gan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)," ka-tanya.



AYUB Rahmat (dua dari kanan) menanam pokok sebagai simbolik merasmikan Sambutan Hari Bumi dan Pelancaran Program Alam Sekitar Peringkat IPT Negeri Johor 2014 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, baru-baru ini. - UTUSAN/AMIN FARIJ HASAN